
**TEKS UCAPAN
YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA**

**SEMPENA
MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN
PERSONEL INDUSTRI LEBUH RAYA (AKPIL) TAHUN 2022**

**PADA
5 MEI 2023 (JUMAAT) / 10.00 PAGI
DEWAN TAN SRI M. YUSUFF
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA**

Terima kasih saudara/ saudari Pengacara Majlis.

Salam Malaysia Madani

Yang Berbahagia Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam Bin Haji Ahmad
Ketua Setiausaha, Kementerian Kerja Raya

Yang Berbahagia Dato' Ahmad Nadzri Bin Embong
Timbalan Ketua Setiausaha (Sektor Pengurusan)

Yang Berbahagia Dato' Zahrul Hakim Bin Abdullah
Timbalan Ketua Setiausaha (Sektor Dasar & Pembangunan)

Yang Berbahagia Dato' Ir. Mohd Shuhaimi Bin Hassan
Ketua Pengarah LLM

Yang Berbahagia Dato' Ir. Ahmad Redza Bin Ghulam Rasool
Ketua Pengarah Kerja Raya

Yang Berbahagia Datuk Ir. Ahmad 'Asri Bin Abdul Hamid
Ketua Eksekutif Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (Cidb)

Yang Berbahagia Datuk Zakaria Bin Ahmad Zabidi
Presiden Persatuan Syarikat-Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia
(PSKLM)

Ketua-ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Konsesi Lebuhraya

Yang diraikan para penerima Anugerah Kecemerlangan Personel Industri Lebu Raya Tahun 2022

YB. Datuk / YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan-Tuan/ Puan-Puan yang dihormati sekalian.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih setulus hati kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) kerana mengundang saya untuk menyempurnakan Majlis Anugerah Kecemerlangan Personel Industri Lebu Raya tahun 2022.

Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh warga industri lebu raya yang meraikannya. Semoga perayaan Aidilfitri kali ini membawa kebahagiaan, kesyukuran dan keakraban kepada kita semua. Pasti sambutan hari raya pada tahun ini diraikan dengan penuh keceriaan bersama keluarga masing-masing dan terus dapat memperkukuhkan keharmonian di kalangan masyarakat Malaysia tidak kira agama dan bangsa.

Para hadirin sekalian,

Industri lebu raya memainkan peranan penting dalam pembangunan dan merangsang pertumbuhan ekonomi Negara. Jaringan lebu raya sepanjang 3,354.84 km di Malaysia ternyata memudahkan aksesibiliti dan meningkatkan ketersambungan antara koridor, membuka peluang

pekerjaan dan mendorong pertumbuhan sosioekonomi setempat. Dengan keberadaan infrastruktur yang baik, pergerakan pengguna lebuhraya menjadi lebih lancar, selesa serta selamat, memudahkan aktiviti perdagangan, pelancongan dan pembangunan ekonomi di wilayah terlibat. Pembinaan dan penyenggaraan lebuhraya bertol di Malaysia yang memerlukan pelaburan besar secara tidak langsung telah memberi manfaat kepada banyak pihak termasuklah kontraktor kecil dan sederhana.

YB. Datuk / YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan-Tuan/ Puan-Puan sekalian,

Saya amat yakin kejayaan industri lebuhraya hari ini adalah hasil kerjasama dan komitmen dari Keluarga Madani industri lebuhraya yang sentiasa bekerja keras untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada pengguna lebuhraya. Prestasi cemerlang ini mencerminkan usaha gigih dan tekun dalam mengekal dan meningkatkan tahap keselamatan, kualiti dan keselesaan perkhidmatan lebuhraya untuk para pengguna lebuhraya. Oleh itu, Majlis Anugerah Kecemerlangan Personel Industri Lebuhraya (APKIL) 2022 ini adalah suatu pengiktirafan dan penghargaan yang relevan untuk menghargai dan memberi semangat kepada warga kerja industri lebuhraya yang berprestasi cemerlang. Melalui pengiktirafan ini, diharapkan ia dapat memacu motivasi dan semangat para petugas untuk terus bekerja dengan lebih efisien dan berinovasi dalam membantu memaju dan meningkatkan industri ini dalam pelbagai aspek seperti pengurusan, pembangunan, dan perkhidmatan lebuhraya. Tahniah saya ucapkan kepada penerima-penerima Anugerah!

Para hadirin sekalian,

Penggunaan teknologi terkini adalah penting bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan industri lebuh raya Malaysia. Kita perlu mengakui bahawa teknologi telah membawa perubahan besar dalam cara kita bekerja dan berinteraksi dan ia turut memberi kesan kepada industri. Teknologi terkini seperti Internet of Things (IoT), analitik data, serta kecerdasan buatan (AI) membantu kita meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan, seperti pemantauan trafik, penyenggaraan lebuh raya serta sistem bayaran tol. Seiring dengan kemajuan teknologi, kita perlu memastikan bahawa industri lebuh raya sentiasa mengambil inisiatif untuk memanfaatkan teknologi terkini bagi memenuhi keperluan dan kehendak pengguna.

Untuk tujuan itu, Kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan kutipan tol secara *Multi Lane Fast Flow (MLFF)*. Penggunaan teknologi MLFF akan memberi manfaat kepada pengguna lebuh raya dengan mengurangkan kesesakan lalu lintas dan mempercepatkan waktu perjalanan, selain meningkatkan kecekapan pengurusan dan pungutan tol bagi syarikat konsesi.

Seperti yang YB Datuk / YBhg. Datuk / Dato' / Datin/ Tuan/ Puan sedia maklum, LLM bersama pihak yang berkaitan akan melaksanakan *Proof of Concept (POC)* MLFF di Lebuhraya Sungai Besi (BESRAYA) menggunakan gabungan teknologi *Radio Frequency Identification (RFID)* dan *Automatic Number Plate Recognition (ANPR)* selewat-

lewatnya pada penghujung Oktober 2023. Pelaksanaan POC bertujuan menentusahkan kecekapan sistem *front end* gantry MLFF terhadap Petunjuk Prestasi Utama yang ditetapkan dalam operasi lebuhraya dan memberikan keyakinan kepada pengendali lebuhraya bahawa teknologi ini akan berfungsi dengan berkesan dan efisien dalam situasi trafik-sebenar.

Para hadirin sekalian,

LLM dan syarikat konsesi lebuhraya juga akan melancarkan pelaksanaan sistem pembayaran tol secara terbuka (*Open Payment System*) di 6 lebuhraya iaitu Jambatan Pulau Pinang (JPP), Lebuhraya Butterworth – Kulim (BKE), Lebuhraya Baru Pantai (NPE), Lebuhraya Koridor Guthrie (GCE), Lebuhraya Sungai Besi dan Lebuhraya Ampang – Kuala Lumpur (AKLEH) bermula September 2023 ini. Selain itu terdapat 5 lagi lebuhraya telah memberi respon positif dan bersetuju untuk turut serta melaksanakan sistem pembayaran terbuka ini iaitu Lebuhraya Damansara - Puchong (LDP), Skim Penyuraian Trafik KL Barat (SPRINT), Lebuhraya Shah Alam (KESAS), Terowong SMART serta Lebuhraya Kuala Lumpur - Putrajaya (MEX). Sistem pembayaran terbuka ini akan dilaksanakan secara berfasa di keseluruhan 11 lebuhraya yang bakal terlibat.

Open Payment System ini merupakan inisiatif awal bagi peralihan ke arah sistem MLFF yang giat diusahakan ketika ini adalah langkah yang tepat dalam usaha Kerajaan memberi pilihan serta kemudahan pelbagai kepada pengguna bagi tujuan pembayaran tol di lebuhraya.

YB. Datuk / YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan-Tuan/ Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Keperluan dan kehendak pengguna lebuh raya adalah menjadi keutamaan industri lebuh raya. Mereka adalah fokus dalam setiap inisiatif dan keputusan yang dibuat oleh Kerajaan bersama LLM dan syarikat konsesi. Ini termasuklah memastikan kualiti dan kebolehpercayaan lebuh raya, menyediakan kemudahan asas seperti kawasan rehat dan rawat, bantuan kecemasan, serta memastikan keselamatan pengguna lebuh raya.

Justeru itu, LLM dan syarikat konsesi lebuh raya perlu sentiasa berkomunikasi dan berinteraksi dengan pengguna lebuh raya secara aktif dan memberi respons yang pantas terhadap aduan dan cadangan mereka. Hal ini akan membantu meningkatkan kepuasan pengguna dan menjadikan industri lebuh raya lebih profesional, cekap dan mesra pelanggan.

Setinggi-tinggi penghargaan harus diberikan kepada KKR, LLM dan semua syarikat konsesi dan rakan strategik seperti Kementerian Kesihatan, Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia dan lain-lain agensi yang telah bekerja tanpa henti untuk memastikan perkhidmatan dan kemudahan terbaik disediakan bagi keselesaan dan keselamatan pengguna lebuh raya, terutamanya semasa cuti perayaan Aidilfitri. Kita amat menghargai usaha dan

pengorbanan mereka dalam memastikan keselesaan dan keselamatan pengguna lebuh raya sepanjang tempoh tersebut.

YB. Datuk / YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan-Tuan/ Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Akhir kata, kita perlu beristiqamah dan beriltizam dalam melaksanakan tanggungjawab yang diberikan dalam memajukan industri lebuh raya di Malaysia. Saya percaya bahawa dengan kerja keras dan komitmen yang gigih, kita dapat mencapai aspirasi dan matlamat untuk memperbaiki lagi perkhidmatan lebuh raya Malaysia. Sekali lagi, tahniah dan terima kasih kepada semua penerima Anugerah Kecemerlangan Personel Industri Lebuh Raya (APKIL) 2022 yang telah memberikan sumbangan yang signifikan kepada perkembangan dan kemajuan lebuh raya.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis pada hari ini.

Dengan ini, saya merasmikan Majlis Anugerah Kecemerlangan Personel Industri Lebuh Raya (APKIL) tahun 2022.

Sekian, terima kasih.